

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Jumaat, 25 Ogos 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN
JUN 2023**

Indeks Pelopor mencatatkan 109.8 mata pada Jun 2023, menjangkakan prestasi ekonomi yang menyederhana pada suku keempat 2023

PUTRAJAYA, 25 Ogos 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA: INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN BAGI JUN 2023**. Indeks Pelopor (IP) merupakan instrumen yang digunakan untuk meramalkan hala tuju ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Indeks Pelopor (IP) menyusut 2.1 peratus pada Jun 2023 dengan mencatatkan 109.8 mata berbanding 112.1 mata pada tahun sebelumnya (**Paparan I**). Penurunan dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus lain (-32.1%) dan Import Benar Semi Konduktor (-19.5%) menyumbang kepada prestasi yang perlahan. Namun begitu, peningkatan dicatatkan oleh Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (68.2%), Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (7.0%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (1.2%). Pada masa yang sama, perubahan bulanan IP menurun 0.5 peratus pada bulan rujukan berbanding 1.7 peratus pada Mei 2023. Penurunan IP disokong oleh sumbangan negatif lima (5) daripada tujuh (7) komponen terutamanya Bilangan Unit Perumahan Diluluskan (-0.5%) dan Import Benar Semi Konduktor (-0.4%)."

Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Jun 2023, IP kekal di bawah trend 100.0 mata. Ini menunjukkan bahawa prospek ekonomi jangka pendek Malaysia

berkemungkinan menyederhana, namun menjangkakan bahawa langkah-langkah dasar ekonomi akan mengimbangi cabaran dalam ekonomi (**Paparan II**).

Merujuk kepada senario ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) mencatatkan pertumbuhan 1.6 peratus kepada 123.2 mata pada Jun 2023 berbanding 121.3 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh Nilai Caruman Benar, KWSP (17.8%). Sebaliknya, prestasi bulanan IS pula menurun kepada negatif 0.9 peratus, dipengaruhi oleh prestasi yang tidak memberangsangkan dalam kesemua komponen kecuali Jumlah Guna Tenaga, Pembuatan (0.1%).

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 OGOS 2023**

LAMPIRAN I








Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor



Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hours, Friday, August 25, 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS
LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES
JUNE 2023**

The Leading Index registered 109.8 points in June 2023, indicating a moderate economic performance in the fourth quarter of 2023

PUTRAJAYA, August 25, 2023 - Today, the Department of Statistics Malaysia released the **MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES FOR JUNE 2023**. The Leading Index (LI) serves as a predictive instrument to foresee the economic direction in an average of four to six months ahead.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The Leading Index (LI) declined 2.1 per cent in June 2023 by recording 109.8 points as compared to 112.1 points in the previous year (**Exhibit I**). Decreases in Real Imports of Other Basic Precious & Other Non-Ferrous Metals (-32.1%) and Real Imports of Semi Conductors (-19.5%) contributed to the weakened performance. Nevertheless, upticks were recorded by the Number of Housing Units Approved (68.2%), Bursa Malaysia Industrial Index (7.0%) and Number of New Companies Registered (1.2%). Concomitantly, the monthly change of LI decreased 0.5 per cent in the reference month as compared to 1.7 per cent in May 2023. The decline in LI was underpinned by the negative contributions of five (5) out of seven (7) components, especially the Number of Housing Units Approved (-0.5%) and Real Imports of Semi Conductor (-0.4%)."

Looking at the smoothed long-term trend in June 2023, LI remained below the 100.0 points trend. This indicates that Malaysia's short-term economic outlook is likely to moderate, anticipating that the economic policy measures will offset the challenges in the economy (**Exhibit II**).

Referring to the current economic scenario, the Coincident Index (CI) recorded a growth of 1.6 per cent to 123.2 points in June 2023 as compared to 121.3 points in the corresponding month the year before. The growth was driven primarily by the Real Contributions, EPF (17.8%). Conversely, the CI's monthly performance soften to negative 0.9 per cent, influenced by less favourable performance in all components except Total Employment, Manufacturing (0.1%).

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
25 AUGUST 2023**

Exhibit I: Leading Composite Index




Exhibit II: Leading Composite Index (Long Term Trend = 100) and Business Cycle




Exhibit III: Annual Changes of Leading Index Components

